



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (8)

Tarikh: 1 November 2012

SIARAN MEDIA

PELANCARAN BUKU PANDUAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KITAR SEMULA

Putrajaya, 01 November 2012 – YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Pakaian Seragam Anggota Penguatkuasa dan Kempen Benci Sampah di Putrajaya pagi ini. Serentak dengan program ini, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Buku Panduan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula. Buku ini akan diedarkan kepada orang awam di premis-premis kediaman selepas pelancaran dilaksanakan. Perbadanan sebagai medium di antara masyarakat berperanan dalam menyebarkan maklumat dan informasi tentang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dari masa ke semasa. Penerbitan Buku Panduan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula bertujuan sebagai rujukan dan panduan kepada masyarakat supaya dapat menguruskan sisa pepejal dengan kaedah yang terbaik yang akhirnya dapat mengurangkan penjanaan sisa pepejal. Masyarakat juga perlu menyedari tentang kepentingan amalan kitar semula. Di antara kandungan buku panduan ini adalah berkaitan dengan transformasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, tanggungjawab pengguna untuk menjaga tong sampah yang telah diedarkan, perkhidmatan 2+1, Amalan Kitar Semula dan Amalan Kebersihan sebagai masyarakat yang cintakan kepada alam sekitar. Buku Panduan ini juga

mengandungi tatacara penggunaan tong sampah beroda dengan betul, kaedah pengasingan sisa bagi kutipan 2 kali seminggu untuk sisa di dalam tong dan 1 kali seminggu untuk sisa pukal, sisa kebun / taman dan sisa yang boleh dikitar semula.

Amalan Kitar Semula atau 3R perlu diamalkan dari sekarang bagi mengurangkan penjanaaan sisa yang akhirnya menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar dalam jangka masa panjang. Kesedaran Amalan Kitar Semula perlu diterapkan kepada semua golongan sasaran tak kira tua atau pun muda. Bak kata pepatah “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”. Sekiranya telah dididik dari kecil, matlamat kerajaan ke arah Malaysia Bersih pada masa akan datang pasti akan tercapai. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah melaksanakan pelbagai program kesedaran untuk Amalan Kitar Semula. Di antara program yang telah dilaksanakan adalah Bank Kitar Semula di sekolah, Bank Kitar Semula di Tadika, kitar semula di pejabat kerajaan, kitar semula di rumah ibadat, kitar semula di komuniti dan *Drive Thru* 3R di pasaraya. Semua program ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2010 lagi dan berterusan sehingga sekarang bagi memberikan kesedaran kepada pelbagai lapisan masyarakat .

Adalah diharapkan, hasil daripada usaha Perbadanan menerbitkan Buku Panduan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula sebanyak satu juta naskhah akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat sebagai langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sebarang aduan berkaitan Sampah-Longkang-Rumput boleh menghubungi talian nombor 1-800-88-7472 dan setiap aduan akan diambil tindakan segera.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : pro@kpkt.gov.my